

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
TARIKH : 19 Jun 2014 (Khamis)
SOALAN : Tuan Mohamed Azmin bin Ali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah kadar pemotongan belian padi oleh BERNAS dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal kadar pemotongan yang berlebihan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kadar potongan padi ditentukan melalui kaedah pemutuan sebenar dan bergantung pada kualiti padi yang dihasilkan. Kadar ini adalah berbeza-beza di setiap lokasi dan kawasan disumbangkan oleh beberapa faktor seperti kadar wap basah, hampa berat dan kandungan tuaian pra-matang yang tinggi. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh pihak Kementerian bagi musim penuaian 1/2014, kadar pemotongan yang dikenakan oleh BERNAS adalah di antara 25–26% di Kelantan, 17-21% di Selangor dan di antara 17-25% di Perak.

Bagi mengawal kadar pemotongan yang berlebihan, Kementerian telah mengambil langkah menguatkuasakan pelaksanaan pemutuan padi sebenar sambil disaksikan oleh tiga (3) pihak iaitu pesawah, wakil Pertubuhan Peladang Kawasan dan BERNAS. Melalui kaedah ini, pesawah dan Pertubuhan Peladang Kawasan dapat menyaksikan dan boleh menjalankan sendiri proses pemutuan padi supaya lebih adil dan telus.